



Maybank
Islamic



Maybank

Terma & Syarat Kempen Top Up Work+ Business (“Kempen”) [Akaun Konvensional]

Kempen ini dianjurkan oleh Maybank Banking Berhad (196001000142 (3813-K)) (“Maybank”). Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Yang Layak (seperti yang ditakrifkan di bawah) dengan ini bersetuju untuk terikat kepada Terma & Syarat ini dan keputusan-keputusan yang dibuat oleh Maybank. Kempen ini bermula dari 1 April 2024 12.00 pagi (MYT) hingga 30 September 2024 11.59 malam (MYT) (“Tempoh Kempen”).

Pentakrifan

“Maybank”	bermaksud Malayan Banking Berhad (Pendaftaran No. 196001000142 (3813-K)), iaitu sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan mempunyai pejabat berdaftar di Tingkat 14, Menara Maybank, 100 Jalan Tun Perak, 50050 Kuala Lumpur.
“Kempen”	bermaksud Kempen Top Up Work+ Business.
“Tempoh Kempen”	bermakna tempoh dari 1 April 2023 12.00 pagi (MYT) hingga 30 September 2024 11.59 malam (MYT), termasuk kedua-dua tarikh tersebut.
“Pelanggan Yang Layak”	Bermaksud pelanggan-pelanggan yang memenuhi kriteria-kriteria dalam Klausa 1(a), (b) dan (c) di bawah.
“Akaun Payroll”	bermaksud akaun Maybank yang digunakan oleh pelanggan untuk mendebit jumlah pembayaran gaji.
“Aktif dalam urus niaga pembayaran gaji”	bermaksud pelanggan yang melakukan urus niaga pembayaran gaji untuk setiap bulan sepanjang Tempoh Kempen melalui platform-platform Pembayaran gaji yang terpilih iaitu M2uBiz Bulk Payment, Maybank Autocredit (MAS) dan M2e Regional Cash Management System.

Kelayakan

- 1) Kempen ini terbuka kepada pelanggan-pelanggan yang berikut:
 - a) Pelanggan perniagaan Maybank baharu dan sedia ada di bawah kategori Perusahaan Kecil dan Sederhana (“PKS”) dan Perbankan Perniagaan (“PP”) yang Aktif dalam urus niaga pembayaran gaji yang terdiri daripada pemilikan tunggal, perkongsian, syarikat swasta berhad, persatuan-persatuan dan badan-badan professional.



- b) Pelanggan Maybank sedia ada yang berdaftar dengan Maybank Payroll di bawah segmen PKS dan PP dan mendaftar Work+ serta kekal aktif dengan menjalankan urusan pembayaran gaji pada setiap bulan;
- c) Mendaftar Work+ dengan memastikan sekurangnya 1 pekerja mempunyai Akaun Gaji dengan Maybank

Mekanisma Kempen

Faedah Kempen

- 2) Pelanggan Yang Layak akan memperoleh faedah atas penambahan Baki Purata Harian (“BPH”) dalam Akaun Payroll untuk setiap bulan sepanjang Tempoh Kempen (“Faedah Kempen”).

Akaun Konvensional	PIDM Status yang diinsurankan
<ul style="list-style-type: none"> • Corporate Current Account • SME First Account • Basic Current Account for SME 	<ul style="list-style-type: none"> • Maybank dan Maybank Islamic ialah ahli Perbadan Insurans Deposit Malaysia (“PIDM”). • Perlindungan PIDM tertakluk pada kriteria yang boleh diinsurankan. Sila rujuk senarai deposit yang diinsurankan melalui www.maybank2u.com.my untuk maklumat lanjut

- 3) Penambahan Baki Purata Harian dalam Akaun Payroll merujuk kepada perbezaan dalam Baki Purata Harian semasa Tempoh Kempen berbanding dengan BPH Akaun Payroll untuk Garis Dasar Bergerak seperti Klausa 4 di bawah.

4) Garis Dasar Bergerak

i) Pelanggan baharu : Garis Dasar Bergerak= BPH dianggap sebagai sifar.

ii) Pelanggan sedia ada : Garis Dasar Bergerak = baki Purata Harian (BPH) bagi Garis Dasar Bergerak

Nota: Garis Dasar Bergerak adalah berdasarkan Penambahan Baki Purata Harian mengikut Garis Dasar Bergerak.

Contoh adalah seperti di bawah:

Bulan (Pembayaran)	Garis Dasar Bergerak (Bulan)
April'24	Mac'24
May'24	April'24
Jun'24	May'24
July'24	Jun'24
Ogos'24	July'24
Sep'24	Ogos'24



5) Baki Purata Harian (BPH)

i) Pelanggan baharu :Bagi Akaun Payroll yang dibuka semasa Tempoh Kempen, BPH dalam Akaun Payroll untuk setiap bulan ditentukan dengan mengira jumlah setiap baki akhir harian sehingga hari terakhir bulan kalendar dibahagikan dengan bilangan hari dalam bulan tersebut.

ii) Pelanggan sedia ada :Bagi Akaun Payroll yang dibuka sebelum Tempoh Kempen, BPH dalam Akaun Payroll untuk setiap bulan ditentukan dengan mengira jumlah baki akhir harian dalam Akaun Payroll pada bulan tersebut dibahagikan dengan bilangan hari dalam bulan tersebut.

6) Penambahan BPH untuk Akaun Payroll hendaklah di antara RM100,000.00 dan maksimum RM5,000,000.00.

7) Pelanggan Yang Layak juga mesti mengekalkan baki akhir bulan minimum RM50, 000 dalam Akaun Payroll masing-masing untuk layak menyertai kempen ini.

8) Kadar Keuntungan Kempen hanya tertakluk sepanjang tempoh kempen sahaja.

9) Jika Pelanggan Yang Layak memilih Maybank sebagai bank utama (seperti dijelaskan dalam Klausula 10), pelanggan akan mendapat kadar faedah tambahan berdasarkan Penambahan BPH seperti Jadual 1 di bawah.

10) Memilih Maybank sebagai bank Utama bermakna pelanggan menggunakan mana-mana platform pembayaran gaji iaitu M2uBiz Bulk Payment, Maybank Autocredit (MAS) atau M2e Regional Cash Management System untuk melaksanakan transaksi pembayaran bil utiliti (bil elektrik, bil air dan sebagainya) dan bayaran kepada badan-badan berkanun setiap bulan (KWSP, LHDN dan sebagainya).

11) Jika Pelanggan Yang Layak memegang sama ada Pembiayaan Pedagang atau Perniagaan, Pelanggan Yang Layak akan mendapat faedah tambahan berdasarkan Penambahan BPH seperti Jadual 1 di bawah.



Kadar Faedah 1st April'24 - 30th September'24

<u>Penambahan BPH (RM)</u>	<u>Payroll Sahaja</u>	<u>Payroll & Pembiayaan Pedagang atau Perniagaan</u>	<u>Payroll & Menggunakan Maybank Sebagai Bank Utama</u>
RM100,000 hingga RM300,000	0.20% tahunan	tambahan 0.20% tahunan	tambahan 0.20% tahunan
> RM300,000 hingga RM1,000,000	0.35% tahunan	tambahan 0.25% tahunan	tambahan 0.25% tahunan
> RM1,000,000 hingga RM5,000,000	0.45% tahunan	tambahan 0.30% tahunan	tambahan 0.35% tahunan

Jadual 1: Penambahan BPH

Nota:

1. Kadar Keuntungan Kempen dikira berdasarkan Penambahan BPH.
2. Kadar-kadar di atas boleh ditukar dengan sewajarnya mengikut pertukaran pada Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate) yang ditentukan oleh Bank Negara Malaysia (BNM)

Formula untuk pengiraan kadar faedah tambahan

$$\frac{\text{Penambahan BPH} \times \text{Kadar Faedah} \times \text{Bilangan Hari dalam sebulan}}{\text{Bilangan Hari dalam Setahun}}$$

Formula untuk pengiraan Baki Purata Harian:

Baki Purata Harian dalam Akaun Payroll untuk setiap bulan ditentukan dengan menambahkan baki akhir setiap hari di dalam Akaun Payroll pada bulan tersebut, dibahagikan dengan jumlah hari dalam sebulan bermula dari bulan pertama pelanggan membuka akaun semasa.

$$\text{Baki Purata Harian} = \frac{\text{Jumlah Baki Akhir Harian Akaun sepanjang bulan}}{\text{Jumlah Hari dalam Sebulan}}$$

Tahun Lompat = 366 hari dalam setahun

Tahun biasa = 365 hari dalam setahun



Kadar Faedah 1st April'24 - 30th September'24

Contoh 1

Keuntungan yang diperoleh untuk akaun dengan baki Penambahan BPH sebanyak RM300,000.

Penambahan (BPH)	Kadar faedah Payroll sahaja	Payroll & Pembiayaan Pedagang atau Perniagaan	Payroll & Maybank sebagai Bank Utama	Pengiraan	Faedah Diperolehi (RM)	Jenis Kempen
RM100,000 hingga RM300,000	0.20% tahunan	Tidak	Tidak	Max. RM300,000 BPH tambahan $\times 0.20\% \times 30/365$	49.31	Top Up Work+ Business ("Multi Tier")
RM100,000 hingga RM300,000	0.20% tahunan	Ya	Tidak	Max. RM300,000 BPH tambahan $\times 0.40\% \times 30/365$	98.63	
RM100,000 hingga RM300,000	0.20% tahunan	Tidak	Ya	Max. RM300,000 BPH tambahan $\times 0.40\% \times 30/365$	98.63	
RM100,000 hingga RM300,000	0.20% tahunan	Ya	Ya	Max. RM300,000 BPH tambahan $\times 0.60\% \times 30/365$	147.94	

Contoh 2

Keuntungan yang diperoleh untuk akaun dengan baki Penambahan BPH sebanyak RM 1 juta.

Penambahan (BPH)	Kadar faedah Payroll sahaja	Payroll & Pembiayaan Pedagang atau Perniagaan	Payroll & Maybank sebagai Bank Utama	Pengiraan	Faedah Diperolehi (RM)	Jenis Kempen
>RM300,000 hingga RM1,000,000	0.35% tahunan	Tidak	Tidak	Max. RM1,000,000 BPH tambahan $\times 0.35\% \times 30/365$	287.67	Top Up Work+ Business ("Multi Tier")
>RM300,000 hingga RM1,000,000	0.35% tahunan	Ya	Tidak	Max. RM1,000,000 BPH tambahan $\times 0.60\% \times 30/365$	493.15	
>RM300,000 hingga RM1,000,000	0.35% tahunan	Tidak	Ya	Max. RM1,000,000 BPH tambahan $\times 0.60\% \times 30/365$	493.15	
>RM300,000 hingga RM1,000,000	0.35% tahunan	Ya	Ya	Max. RM1,000,000 BPH tambahan $\times 0.85\% \times 30/365$	698.63	

Contoh 3

Keuntungan yang diperoleh untuk akaun dengan baki Penambahan BPH sebanyak RM 5 juta.

Penambahan (BPH)	Kadar faedah Payroll sahaja	Payroll & Pembiayaan Pedagang atau Perniagaan	Payroll & Maybank sebagai Bank Utama	Pengiraan	Faedah Diperolehi (RM)	Jenis Kempen
>RM1,000,000 hingga RM5,000,000	0.35% tahunan	Tidak	Tidak	Max. RM5,000,000 BPH tambahan $\times 0.35\% \times 30/365$	1438.35	Top Up Payroll Business Account ("Multi Tier")
>RM1,000,000 hingga RM5,000,000	0.35% tahunan	Ya	Tidak	Max. RM5,000,000 BPH tambahan $\times 0.65\% \times 30/365$	2671.23	
>RM1,000,000 hingga RM5,000,000	0.35% tahunan	Tidak	Ya	Max. RM5,000,000 BPH tambahan $\times 0.70\% \times 30/365$	2876.71	
>RM1,000,000 hingga RM5,000,000	0.35% tahunan	Ya	Ya	Max. RM5,000,000 BPH tambahan $\times 1.00\% \times 30/365$	4109.58	



Lain-lain:

- 12) Pelanggan Yang Layak dengan akaun Payroll berganda.
 - a. Bagi Pelanggan Yang Layak yang mempunyai Akaun Payroll aktif yang berganda, Keuntungan Kempen akan dibayar kepada semua Akaun Payroll yang memenuhi kriteria Kempen berdasarkan Jadual 1 di atas.
- 13) Hanya pelanggan yang mempunyai Akaun Payroll yang aktif sahaja layak untuk menyertai Kempen ini.
- 14) Faedah Kempen akan dikreditkan ke dalam Akaun Payroll dalam tempoh sembilan puluh (90) hari bekerja setelah habis sebulan atau pada tarikh lain yang ditentukan oleh Maybank. Sekiranya Akaun Payroll ditutup sebelum Keuntungan Kempen dikreditkan, tiada faedah tambahan akan dibayar kepada pemegang Akaun Payroll. Tiada pemberitahuan individu yang berasingan akan diberi kepada pelanggan dan proses pengesahan, sekiranya pelanggan memenuhi kriteria, dan keuntungan akan dibayar kepada pemegang Akaun payroll.
- 15) Faedah Kempen tidak akan diberi kepada Akaun Payroll setelah Tempoh Kempen tamat.
- 16) Pelanggan Yang Layak mungkin berkecualan untuk Faedah Kempen pada satu bulan calendar, tetapi mungkin tidak layak untuk Faedah Kempen pada bulan berikutnya kerana tidak memenuhi mana-mana kriteria kelayakan seperti dalam fasal (6) dan (7) di bawah Mekanisma Kempen untuk Faedah Kempen.
- 17) Pelanggan Yang Layak dengan Akaun Payroll yang telah digantung atas apa-apa sebab atau yang telah dibekukan atas mana-mana Perintah Mahkamah termasuk Perintah Mahkamah yang dibuat menurut Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFA 2001) dan/atau akaun yang di bawah status Terlebih Keluar tidak layak untuk menyertai Kempen ini.

Terma dan Syarat Umum

- i. Maybank tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan bagi apa jua kegagalan teknikal, intervensi, gangguan, dan/atau kesilapan elektronik atau manusia dalam pentadbiran dan/atau pemprosesan transaksi yang dilakukan melalui aplikasi MAE, aplikasi M2U, Maybank2u Biz, Maybank2u, atau Maybank2e dengan syarat perkara tersebut tidak berpunca daripada Maybank.
- ii. Maybank berhak menarik balik, membatalkan, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Kempen ini lebih awal, keseluruhannya atau sebahagian daripadanya, dan berhak mengubah mana-mana terma dan syarat yang terkandung dalam dokumen ini, dari semasa ke semasa dengan memberikan sekurang-kurangnya minimum dua puluh satu (21) hari (“hari” hendaklah mempunyai maksud yang sama dengan hari kalendar) notis terlebih dahulu, dan notis berkenaan



hendaklah disiarkan melalui laman web Maybank2u di www.maybank2u.com.my atau melalui apa-apa saluran lain yang didapati sesuai oleh Maybank. Pelanggan yang Layak bertanggungjawab untuk mendapatkan maklumat tentang ataupun mencari apa-apa notis sedemikian yang disiarkan secara sah.

- iii. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk mengakses laman sesawang Maybank2u di www.maybank2u.com.my secara tetap bagi melihat terma dan syarat dalam dokumen ini dan mendapatkan penjelasan daripada Maybank jika terdapat mana-mana Terma & Syarat yang tidak difahami sepenuhnya.
- iv. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat dalam dokumen ini serta bersetuju dan memberikan kebenaran supaya data peribadinya dikumpul, diproses dan digunakan oleh Maybank menurut penyata privasi Maybank yang boleh didapati di www.maybank2u.com.my (“Maybank Privacy Statement”) dan pada Borang PDPA untuk Pelanggan-Pelanggan Individu.
- v. Sebagai tambahan kepada dan tanpa menjejaskan terma dalam Maybank Privacy Statement dan Borang PDPA untuk Pelanggan-Pelanggan Individu, Pelanggan yang Layak bersetuju dan membenarkan data atau maklumat peribadinya dikumpul, diproses dan digunakan oleh Maybank untuk:

a) tujuan Kempen; dan

b) aktiviti pemasaran dan promosi yang dijalankan oleh Maybank, termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa bentuk pengiklanan atau media dan bahan publisiti seperti rakaman audio dan/atau visual yang diterbitkan melalui akhbar, rangkaian televisyen, stesen radio atau media dalam talian dan media digital serta dalam internet. Aktiviti pemasaran dan promosi termasuk dan tanpa had kepada penggunaan dan/atau penyiaran apa-apa butiran yang diberikan dalam dan/atau yang berhubung dengan penyertaan, bahan temu bual serta respons dan gambar yang berkaitan. Dalam hal ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk bekerja sama dan mengambil bahagian dalam semua aktiviti pengiklanan dan publisiti Maybank yang berkaitan dengan Kempen.

*Nota: “PDPA” merujuk kepada Personal Data Protection Act (2010).

- vi. Maybank dan pegawai, kakitangan, pekerja, wakil dan/atau ejennya (termasuk dan tanpa had kepada mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik oleh Maybank untuk tujuan Kempen ini) tidak bertanggungjawab terhadap Pelanggan yang Layak dalam Kempen ini bagi apa-apa kerugian atau kerosakan langsung, tidak langsung, khas atau berbangkit (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik) yang timbul daripada atau yang berhubung dengan Kempen ini melainkan disebabkan oleh apa-apa kecuaiian atau peninggalan melampau oleh Maybank.
- vii. Maybank tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa kegagalan obligasinya di bawah Kempen ini yang disebabkan oleh apa-apa peristiwa force majeure yang termasuk tetapi tidak terhad kepada bencana alam, kekacauan awam, tindakan perang, mogok, rusuhan, sekatan masuk, tindakan



- perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, epidemik dan pandemik atau apa-apa peristiwa dan keadaan walau apa pun sifatnya, yang di luar kawalan munasabah Maybank.
- viii. Maybank boleh membatalkan/menolak mana-mana Pelanggan yang Layak yang tidak mematuhi terma dan syarat yang dinyatakan dalam dokumen ini dan/atau didapati atau disyaki mengubah Kempen dan/atau prosesnya atau operasi Kempen ini yang termasuk aktiviti pemalsuan melibatkan apa-apa tindakan tipu helah dan/atau perdayaan dan/atau penipuan berhubung dengan Kempen.
- ix. Terma dan Syarat ini hendaklah dikawal oleh Undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
- x. Jika terdapat apa-apa ketaktekalan Terma dan Syarat antara versi Bahasa Inggeris dengan Bahasa Melayu, versi Bahasa Inggeris hendaklah digunakan.

Untuk maklumat, pertanyaan, maklum balas dan/atau aduan berkaitan dengan Kempen ini, sila hubungi talian utama Pusat Khidmat Pelanggan Maybank di 1 300 88 6688 atau +603 7844 3696. Sebagai alternatif untuk maklum balas dan/atau aduan, Pelanggan yang Layak boleh memilih untuk menghantar e-mel kepada Maybank melalui borang maklum balas di laman web Maybank2u www.maybank2u.com.my.



**Maybank
Islamic**



Maybank

Terma & Syarat Kempen Top Up Work+ Business (“Kempen”) [Akaun Patuh Syariah]

Kempen ini dianjurkan oleh Maybank Islamic Berhad (No. Pendaftaran Syarikat: 200701029411) (“Bank”). Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Yang Layak (seperti yang ditakrifkan di bawah) dengan ini bersetuju untuk tertakluk kepada Terma & Syarat ini dan keputusan yang dibuat oleh Bank. Kempen ini bermula dari 1 April 2024 (12.00AM) hingga ke 30 September 2024 (11.59PM) (“Tempoh Kempen”).

Pentakrifan

“Bank”	bermaksud Maybank Islamic Berhad (200701029411) iaitu sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan mempunyai pejabat berdaftar di Tingkat 15, Menara A, Dataran Maybank, No 1, Jalan Maarof, Kuala Lumpur.
“Kempen”	bermaksud Kempen Top Up Work+ Business.
“Tempoh Kempen”	bermaksud tempoh dari 1 April 2024 (12.00AM) hingga 30 September 2024 (11.59PM), termasuk kedua-dua tarikh tersebut.
“Keuntungan Bonus Kempen”	Kadar Keuntungan Bonus Kempen dikira berdasarkan pergerakan garis dasar BPH
“Pelanggan Yang Layak”	Bermaksud pelanggan-pelanggan yang memenuhi kriteria-kriteria dalam Klausa 1(a),(b) dan (c) di bawah.
“Akaun Penyertaan Payroll”	bermaksud akaun Bank terlibat yang digunakan oleh pelanggan untuk mendebit jumlah pembayaran gaji.
“Aktif dalam urus niaga pembayaran gaji”	bermaksud pelanggan yang melakukan urus niaga pembayaran gaji untuk setiap bulan sepanjang Tempoh Kempen melalui platform-platform Pembayaran gaji yang terpilih iaitu M2UBiz Bayaran Pukal, Sistem Kredit Auto Maybank (MAS) dan M2E Sistem Pengurusan Tunai Wilayah

Kelayakan

1. Kempen ini terbuka pada pelanggan-pelanggan yang berikut, dengan ini dirujuk sebagai “Pelanggan Yang Layak”:
 - a) Pelanggan perniagaan Bank baharu dan sedia ada di bawah kategori Perusahaan Bersaiz Kecil dan Sederhana (“PKS”) dan Perbankan Perniagaan (“PP”) yang Aktif dalam urus niaga pembayaran gaji yang terdiri daripada pemilikan tunggal, perkongsian, syarikat swasta berhad, persatuan-persatuan dan badan-badan professional.



- b) Pelanggan Bank sedia ada (warganegara atau bukan warganegara Malaysia) yang berdaftar dengan Maybank Payroll di bawah segmen PKS dan PP dan mendaftar Work+ serta kekal aktif dengan menjalankan urus niaga pembayaran gaji pada setiap bulan.
- c) Mendaftar Work+ dengan memastikan sekurang-nya 1 pekerja mempunyai Akaun Gaji dengan Bank.

Mekanisma Kempen

Keuntungan Bonus Kempen

2. Pelanggan Yang Layak akan memperoleh keuntungan bonus atas Baki Purata Harian bertambah (“BPH”) dalam Akaun Payroll untuk setiap bulan sepanjang Tempoh Kempen (“Keuntungan Bonus Kempen”).
3. Akaun-akaun penyertaan Payroll adalah:-
 - a. Premier Mudharabah Account-i (SME & BB)
 - b. SME First Investment Account-i
 - c. Current Account-i
 - d. Basic Current Account-i for SME
 - e. SME First Account-i

**Maybank Islamic ialah ahli Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM)*

*** Perlindungan oleh PIDM tertakluk kepada kriteria yang boleh diinsuranskan. Sila rujuk senarai deposit yang diinsuranskan di www.maybank2u.com.my untuk maklumat lanjut.*

4. Baki Harian Purata bertambah (“BPH Tambahan”) dalam Akaun Payroll merujuk kepada perbezaan dalam BPH semasa Tempoh Kempen berbanding dengan BPH Akaun Payroll untuk bulan sebelumnya.

4.1 Garis Dasar

- i. Pelanggan baharu : Garis Dasar = BPH dianggap sebagai sifar.
- ii. Pelanggan sedia ada : Garis Dasar = baki Purata Harian (BPH) bagi bulan sebelumnya.

4.2 Baki Purata Harian (BPH)

- i. Pelanggan baharu : Bagi Akaun Payroll yang dibuka semasa Tempoh Kempen, BPH dalam Akaun Payroll untuk setiap bulan ditentukan dengan mengira jumlah setiap baki akhir harian bermula dari akaun dibuka sehingga hari terakhir bulan kalendar dibahagikan dengan bilangan hari yang sama bagi bulan tersebut.



- ii. Pelanggan sedia ada : Bagi Akaun Payroll yang dibuka **sebelum** Tempoh Kempen, BPH dalam Akaun Payroll untuk setiap bulan ditentukan dengan mengira jumlah baki akhir harian dalam Akaun Payroll pada bulan tersebut dibahagikan dengan bilangan hari dalam bulan tersebut.
5. BPH Tambahan untuk Akaun Payroll perlu di antara RM100,000.00 dan maksimum RM5,000,000.00.
 6. Pelanggan Yang Layak juga mesti mengekalkan baki akhir bulan minimum RM50,000 dalam Akaun Payroll masing-masing untuk layak menyertai Kempen ini.
 7. Kadar Keuntungan Bonus Kempen hanya tertakluk sepanjang Tempoh Kempen sahaja.
 8. Jika Pelanggan Yang Layak memilih Bank sebagai bank utama, Pelanggan Yang Layak akan mendapat kadar keuntungan tambahan berdasarkan BPH Tambahan seperti Jadual 1 di bawah.
 9. Dengan memilih Bank sebagai bank utama, bermakna pelanggan menggunakan mana-mana platform pembayaran gaji iaitu M2uBiz Bulk Payment, Maybank Autocredit (MAS) or M2e Regional Cash Management System untuk melaksanakan transaksi pembayaran bil utiliti (bil elektrik, bil air dan sebagainya) dan bayaran kepada badan berkanun setiap bulan (KWSP, LHDN dan sebagainya).
 10. Jika Pelanggan Yang Layak memegang sama ada Pembiayaan Islamik Pedagang atau Perniagaan, Pelanggan Yang Layak akan mendapat keuntungan Bonus berdasarkan BPH Tambahan seperti Jadual 1 di bawah.

Kadar Keuntungan Bonus 1 April 2024 - 30 September 2024

BPH Tambahan (RM) Kadar Payroll	Kadar keuntungan Indikatif	Kadar Keuntungan Bonus - Payroll sahaja		Kadar Keuntungan Bonus - Dengan Pembiayaan Islamik Pedagang atau Perniagaan		Kadar Keuntungan Bonus - Bank sebagai jurubank Utama		Kadar Akhir
	Daily Fund-i	Daily Fund-i	Deposit	Daily Fund-i	Deposit	Daily Fund-i	Deposit	
100,000 to 300,000	0.15%	0.20%	0.20%	0.10%	0.20%	0.15 %	0.20%	0.60%
>300,000 to 1,000,000	0.15%	0.25%	0.35%	0.20%	0.25%	0.25%	0.25%	0.85%
>1,000,000 to 5,000,000	0.15%	0.30%	0.35%	0.25%	0.30%	0.30%	0.35%	1.00%

Jadual 1: BPH Tambahan

Nota:

1. Kadar Keuntungan Bonus Kempen dikira berdasarkan pergerakan garis dasar BPH.



Maybank
Islamic



Maybank

2. Kadar-kadar di atas boleh ditukar dengan sewajarnya mengikut pertukaran pada Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate) yang ditentukan oleh Bank Negara Malaysia (BNM).

Formula untuk pengiraan Kadar Keuntungan Bonus:

$$\text{Keuntungan Bonus} = \frac{\text{BPH tambahan} \times \text{Kadar Keuntungan Bonus} \times \text{Bilangan Hari Penyertaan}}{\text{^Bilangan Hari dalam Setahun (1)}}$$

Formula untuk pengiraan Baki Purata Harian:

$$\text{Baki Purata Harian} = \frac{\text{Jumlah Baki Akhir Harian sepanjang bulan penyertaan}}{\text{^Jumlah Hari dalam Sebulan}}$$

^Tahun Lompat = 366 hari dalam setahun

Tahun biasa = 365 hari dalam setahun

Kadar Keuntungan Bonus Daily Fund-i 1 April 2024 - 30 September 2024

Contoh 1

Keuntungan bonus yang diperoleh untuk akaun dengan baki BPH Tambahan sebanyak RM250,000.

Julat ADB	Dengan Pembiayaan Islamik Pedagang atau Perniagaan	Bank sebagai jurubank Utama	Jumlah Kadar Keuntungan Bonus dengan Payroll	Pengiraan	Bonus Keuntungan (RM)	Jenis Kempen
RM100K sehingga RM300K	Tidak	Tidak	0.20%	Maksimum RM250,000 BPH Tambahan x 0.20% x 30/365	41.10	Top Up Work+ Business (Multi-Tier)
RM100K sehingga RM300K	Ya	Tidak	0.30%	Maksimum RM250,000 BPH Tambahan x 0.30% x 30/365	61.64	
RM100K sehingga RM300K	Tidak	Ya	0.35%	Maksimum RM250,000 BPH Tambahan x 0.35% x 30/365	71.92	
RM100K sehingga RM300K	Ya	Ya	0.45%	Maksimum RM250,000 BPH Tambahan x 0.45% x 30/365	92.47	

Contoh 2

Keuntungan bonus yang diperoleh untuk akaun dengan baki BPH Tambahan sebanyak RM 1 juta.

Julat ADB	Dengan Pembiayaan Islamik Pedagang atau Perniagaan	Bank sebagai jurubank Utama	Jumlah Kadar Keuntungan Bonus dengan Payroll	Pengiraan	Bonus Keuntungan (RM)	Jenis Kempen
Lebih daripada RM300K	Tidak	Tidak	0.25%	Maksimum RM1,000,000 BPH Tambahan x 0.25% x 30/365	205.48	Top Up Work+ Business



sehingga RM1 juta						(Multi-Tier)
Lebih daripada RM300K sehingga RM1 juta	Ya	Tidak	0.45%	Maksimum RM1,000,000 BPH Tambahan x 0.45% x 30/365	369.86	
Lebih daripada RM300K sehingga RM1 juta	Tidak	Ya	0.50%	Maksimum RM1,000,000 BPH Tambahan x 0.50% x 30/365	410.96	
Lebih daripada RM300K sehingga RM1 juta	Ya	Ya	0.70%	Maksimum RM1,000,000 BPH Tambahan x 0.70% x 30/365	575.34	

Contoh 3

Keuntungan bonus yang diperoleh untuk akaun dengan baki BPH Tambahan sebanyak RM2 juta.

Julat ADB	Dengan Pembiayaan Islamik Pedagang atau Perniagaan	Bank sebagai jurubank Utama	Jumlah Kadar Keuntungan Bonus dengan Payroll	Pengiraan	Bonus Keuntungan (RM)	Jenis Kempen
Lebih daripada RM1 juta hingga RM5 juta	Tidak	Tidak	0.30%	Maksimum RM2,000,000 BPH Tambahan x 0.30% x 30/365	493.15	Top Up Work+ Business (Multi-Tier)
Lebih daripada RM1 juta hingga RM5 juta	Ya	Tidak	0.55%	Maksimum RM2,000,000 BPH Tambahan x 0.55% x 30/365	904.11	
Lebih daripada RM1 juta hingga RM5 juta	Tidak	Ya	0.60%	Maksimum RM2,000,000 BPH Tambahan x 0.60% x 30/365	986.30	
Lebih daripada RM1 juta hingga RM5 juta	Ya	Ya	0.85%	Maksimum RM2,000,000 BPH Tambahan x 0.85% x 30/365	1397.26	

**Kadar Keuntungan Bonus Deposit 1 April 2024 - 30 September 2024****Contoh 1**

Keuntungan bonus yang diperoleh untuk akaun dengan baki BPH Tambahan sebanyak RM250,000.

Julat ADB	Dengan Pembiayaan Islamik Pedagang atau Perniagaan	Bank sebagai jurubank Utama	Jumlah Kadar Keuntungan Bonus dengan Payroll	Pengiraan	Bonus Keuntungan (RM)	Jenis Kempen
RM100K sehingga RM300K	Tidak	Tidak	0.20%	Maksimum RM250,000 BPH Tambahan x 0.20% x 30/365	41.09	Top Up Work+ Business (Multi-Tier)
RM100K sehingga RM300K	Ya	Tidak	0.40%	Maksimum RM250,000 BPH Tambahan x 0.40% x 30/365	82.19	
RM100K sehingga RM300K	Tidak	Ya	0.40%	Maksimum RM250,000 BPH Tambahan x 0.40% x 30/365	82.19	
RM100K sehingga RM300K	Ya	Ya	0.60%	Maksimum RM250,000 BPH Tambahan x 0.60% x 30/365	123.28	

Lain-lain:

11. Pelanggan Yang Layak dengan Akaun Payroll berganda.
 - a. Bagi Pelanggan Yang Layak yang mempunyai Akaun Payroll aktif yang berganda, Keuntungan Bonus Kempen akan dibayar kepada semua Akaun Payroll yang memenuhi kriteria Kempen berdasarkan Jadual 1 di atas.
12. Hanya pelanggan yang mempunyai Akaun Payroll yang aktif sahaja layak untuk menyertai Kempen ini.
13. Keuntungan Bonus Kempen akan dikreditkan ke dalam Akaun Payroll dalam tempoh sembilan puluh (90) hari bekerja setelah habis sebulan atau pada tarikh lain yang ditentukan oleh Bank. Sekiranya Akaun Payroll ditutup sebelum Keuntungan Bonus Kempen dikreditkan, tiada keuntungan bonus akan dibayar kepada pemegang Akaun Payroll. Tiada pemberitahuan individu yang berasingan akan diberi kepada pelanggan dan proses pengesahan, sekiranya pelanggan memenuhi kriteria, dan Keuntungan Bonus Kempen akan dibayar kepada pemegang Akaun payroll.
14. Keuntungan Bonus Kempen tidak akan diberi kepada Akaun Payroll setelah Tempoh Kempen tamat.



15. Pada mana-mana bulan kalendar, Pelanggan Yang Layak boleh menjadi layak untuk Keuntungan Bonus Kempen, tetapi mungkin tidak layak untuk Keuntungan Bonus Kempen pada bulan berikutnya kerana tidak memenuhi mana-mana kriteria kelayakan seperti dalam klausa (5) dan (6) di bawah Mekanisma Kempen untuk Keuntungan Bonus Kempen.
16. Pelanggan Yang Layak dengan Akaun Payroll yang telah digantung atas apa-apa sebab atau yang telah dibekukan atas mana-mana Perintah Mahkamah termasuk Perintah Mahkamah yang dibuat menurut Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFA 2001) dan/atau akaun yang di bawah status Terlebih Keluar tidak layak untuk menyertai Kempen ini.

Terma dan Syarat Umum

- i. Bank tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan bagi apa jua kegagalan teknikal, intervensi, gangguan, dan/atau kesilapan elektronik atau manusia dalam pentadbiran dan/atau pemprosesan transaksi yang dilakukan melalui aplikasi MAE, aplikasi M2U, Maybank2u Biz, Maybank2u, atau Maybank2e dengan syarat perkara tersebut tidak berpunca daripada Maybank.
- ii. Bank berhak menarik balik, membatalkan, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Kempen ini lebih awal, keseluruhannya atau sebahagian daripadanya, dan berhak mengubah mana-mana terma dan syarat yang terkandung dalam dokumen ini, dari semasa ke semasa dengan memberikan sekurang-kurangnya minimum dua puluh satu (21) hari (“hari” hendaklah mempunyai maksud yang sama dengan hari kalendar) notis terlebih dahulu, dan notis berkenaan hendaklah disiarkan melalui laman web Maybank2u di www.maybank2u.com.my atau melalui apa-apa saluran lain yang didapati sesuai oleh Bank. Pelanggan yang Layak bertanggungjawab untuk mendapatkan maklumat tentang ataupun mencari apa-apa notis sedemikian yang disiarkan secara sah.
- iii. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk mengakses laman sesawang Maybank2u di www.maybank2u.com.my secara tetap bagi melihat terma dan syarat dalam dokumen ini dan mendapatkan penjelasan daripada Bank jika terdapat mana-mana Terma & Syarat yang tidak difahami sepenuhnya.
- iv. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat dalam dokumen ini serta bersetuju dan memberikan kebenaran supaya data peribadinya dikumpul, diproses dan digunakan oleh Bank menurut penyata privasi Maybank yang boleh didapati di www.maybank2u.com.my (“Maybank Privacy Statement”) dan pada Borang PDPA untuk Pelanggan-Pelanggan Individu.
- v. Sebagai tambahan kepada dan tanpa menjejaskan terma dalam Maybank Privacy Statement dan Borang PDPA untuk Pelanggan-Pelanggan Individu, Pelanggan yang Layak bersetuju dan membenarkan data atau maklumat peribadinya dikumpul, diproses dan digunakan oleh Bank untuk:
 - a) tujuan Kempen; dan



b) aktiviti pemasaran dan promosi yang dijalankan oleh Bank, termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa bentuk pengiklanan atau media dan bahan publisiti seperti rakaman audio dan/atau visual yang diterbitkan melalui akhbar, rangkaian televisyen, stesen radio atau media dalam talian dan media digital serta dalam internet. Aktiviti pemasaran dan promosi termasuk dan tanpa had kepada penggunaan dan/atau penyiaran apa-apa butiran yang diberikan dalam dan/atau yang berhubung dengan penyertaan, bahan temu bual serta respons dan gambar yang berkaitan. Dalam hal ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk bekerja sama dan mengambil bahagian dalam semua aktiviti pengiklanan dan publisiti Bank yang berkaitan dengan Kempen.

*Nota: "PDPA" merujuk kepada Personal Data Protection Act (2010) (Akta Perlindungan Data Peribadi (2010)).

- vi. Bank dan pegawai, kakitangan, pekerja, wakil dan/atau ejennya (termasuk dan tanpa had kepada mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik oleh Bank untuk tujuan Kempen ini) tidak bertanggungjawab terhadap Pelanggan yang Layak dalam Kempen ini bagi apa-apa kerugian atau kerosakan langsung, tidak langsung, khas atau berbangkit (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik) yang timbul daripada atau yang berhubung dengan Kempen ini melainkan disebabkan oleh apa-apa kecuaiian atau peninggalan melampau oleh Bank.
- vii. Bank tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa kegagalan obligasinya di bawah Kempen ini yang disebabkan oleh apa-apa peristiwa force majeure yang termasuk tetapi tidak terhad kepada bencana alam, kekacauan awam, tindakan perang, mogok, rusuhan, sekatan masuk, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, epidemik dan pandemik atau apa-apa peristiwa dan keadaan walau apa pun sifatnya, yang di luar kawalan munasabah Bank.
- viii. Bank boleh membatalkan/menolak mana-mana Pelanggan yang Layak yang tidak mematuhi terma dan syarat yang dinyatakan dalam dokumen ini dan/atau didapati atau disyaki mengubah Kempen dan/atau prosesnya atau operasi Kempen ini yang termasuk aktiviti pemalsuan melibatkan apa-apa tindakan tipu helah dan/atau perdayaan dan/atau penipuan berhubung dengan Kempen.
- ix. Terma dan Syarat ini hendaklah dikawal oleh Undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
- x. Jika terdapat apa-apa ketaktekalan Terma dan Syarat antara versi Bahasa Inggeris dengan Bahasa Melayu, versi Bahasa Inggeris hendaklah digunakan.

Untuk maklumat, pertanyaan, maklum balas dan/atau aduan berkaitan dengan Kempen ini, sila hubungi talian utama Pusat Khidmat Pelanggan Maybank di 1 300 88 6688 atau +603 7844 3696. Sebagai alternatif untuk maklum balas dan/atau aduan, Pelanggan yang Layak boleh memilih untuk menghantar e-mel kepada Maybank melalui borang maklum balas di laman web Maybank2u www.maybank2u.com.my.